

09 SEP 1999

Singapura-Lidah Pengarang

LAKUKAN PEMBAHARUAN ATAU NEGARA LAIN MUNGKIN IKUT LANGKAH MALAYSIA

SINGAPURA, 9 Sept (Bernama) -- Akhbar Straits Times Singapura berkata sistem kewangan antarabangsa patut diperbaharui atau negara-negara lain akan tertarik mengikut langkah Malaysia menggunakan kawalan modal apabila berlakunya krisis seterusnya.

Sambil mengakui kejayaan Malaysia menerusi kawalan itu, akhbar berkenaan dalam lidah pengarangnya hari ini yang bertajuk - "Ya, tetapi" - berkata kawalan modal bukanlah pilihan dasar jangka panjang yang berdaya maju.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kawalan modal terpilih pada September tahun lepas untuk melindungi negara daripada spekulator dan perangkaan ekonomi terbaru mengesahkan Malaysia sudah keluar daripada kemelesetan.

Menurut akhbar itu: "Masyarakat antarabangsa patut memberikan pujian kepada beliau kerana tindakan cemerlangnya itu. Tetapi ia juga patut melaksanakan pembaharuan untuk mengelakkan tindakan serupa pada masa depan. Seorang Dr Mahathir bolehlah dianggap sesuatu yang lain dari kelaziman; dua, tiga atau lebih mungkin akan membawa masalah."

Ia berkata sementara Malaysia telah menggunakan kawalan untuk menyusun semula bank-banknya, ia juga mengambil peluang daripadanya untuk mengelakkan pembaharuan sebenar terhadap perkara lain. "Syarikat-syarikat yang ada hubungan rapat dengan orang berpengaruh terus mendapat perhatian berbanding yang lainnya, pentadbiran korporat masih belum telus sepenuhnya, dan dasar yang dipersoalkan terus dilindungi."

Pembaharuan sebenar di Malaysia atau di tempat lain adalah mustahil kecuali kerajaan dan perbadanan mematuhi disiplin pasaran, katanya.

Menurut akhbar itu, lama selepas redanya tindakan kontroversi Dr Mahathir mengemudikan negaranya melalui krisis kewangan itu, hakikatnya ialah beliau telah menolak konsensus Tabung Kewangan Antarabangsa-Washington mengenai kebolehan tukaran akaun modal dan "hidup untuk menceritakan apa yang berlaku."

"Apabila krisis seterusnya berlaku, negara-negara lain mungkin akan tertarik mengikut langkahnya. Kejayaan Dr Mahathir itu menguatkan lagi hujah bahawa sistem kewangan antarabangsa perlu diperbaharui," katanya.

Menegaskan bahawa ulangtahun pertama kawalan itu berlalu tanpa sebarang masalah, berbeza daripada ramalan yang pengaliran modal besar-besaran akan berlaku, akhbar itu berkata kebanyakan pakar ekonomi terkemuka terlepas satu perkara penting dalam menghujahkan bahawa pemulihan Malaysia tidak boleh dikesan terhadap kawalan modal.

"Berita sebenarnya di sini, hakikat yang patut dibimbangi oleh konsensus Tabung Kewangan Antarabangsa-Washington mengenai kebolehan tukaran akaun modal adalah: Kawalan modal tidak (diulangi: tidak) melakukan sebarang kemudaratannya," katanya.

Katanya pakar-pakar yang menegaskan bahawa kawalan itu tidak relevan adalah orang yang sama yang meramalkan bahawa tiada apa selain "hanya neraka dan celakalah padahnya terhadap Malaysia" setahun lepas.

"Tetapi perkara itu tidak berlaku. Malaysia adalah paria untuk sementara waktu, tetapi tidak lama. Pasaran gelap tidak berkembang, pelabur langsung asing tidak lari daripada negara itu malahan pelabur portfolio asing kini kembali secara besar-besaran ke dalam bursa sahamnya," katanya.

-- BERNAMA

TCL RHM RON

